

**DAP mahu tubuh firma bebas pantau Kementerian Pendidikan
Malaysian Insider
July 15 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik**

DAP mahu satu badan bebas ditubuh bagi memastikan pelajar berkecayaan memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan memperuntuk kursus yang bersesuaian, kata Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan gagal berlaku adil dalam memastikan pelajar berkecayaan mendapat tempat di IPT sedangkan masa depan anak muda terlalu penting untuk dipolitikkan atau menjadi agenda tahunan.

"Dengan hilangnya keyakinan umum terhadap profesionalisme Kementerian Pendidikan, sebuah badan bebas seperti sebuah firma pengauditan antarabangsa wajar dilantik bagi memastikan tiada pelajar berkecayaan yang ketinggalan," katanya pada kenyataan hari ini.
- 15 Julai, 2013.

Lim berkata, masanya sudah tiba untuk semua parti politik dan Kementerian Pendidikan untuk tidak memberi tumpuan kepada kaum tetapi menempatkan pelajar yang layak di universiti tempatan berasaskan merit.

Menafi hak pelajar yang berkecayaan termasuk yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00 daripada tempat di universiti awam, bukan sahaja sebuah pembaziran bakat, malah 'menghalau' mereka ke luar negara.

"Negara lain seperti Singapura untuk merampas bakat terbaik yang kita ada. Kementerian Pendidikan mesti menghentikan polisi pendek akal yang mengakibatkan Malaysia ketinggalan," katanya.

Ahli Parlimen Bagan itu turut menjelaskan MCA melaporkan pelajar Cina yang berjaya ke IPT hanya 19 peratus, lebih rendah berbanding 23 peratus pada tahun lalu.

"Daripada 41,573 pengambilan tahun ini, hanya 7,913 pelajar berketurunan Cina berbanding 8,986 orang tahun lalu daripada jumlah keseluruhan 38,549. Pada 2011, jumlahnya 9,457 daripada 41,267 pelajar pada tahun 2011," katanya. - 15 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mahu-tubuh-firma-bebas-pantau-kementerian-pendidikan/>